

## **Kepimpinan Tun Sakaran salam membentuk masyarakat madani di daerah**

### **Semporna: Satu analisis**

#### **ABSTRACT**

Tun Sakaran Dandai adalah seorang negarawan dan tokoh politik terkemuka di Sabah yang dikenali kerana membawa nilai-nilai agama dalam kepimpinannya. Beliau telah dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1439H pada tahun 2017 oleh Kerajaan Persekutuan. Kepimpinan Tun Sakaran dalam membentuk masyarakat madani di daerah Semporna khususnya dalam kalangan masyarakat Bajau telah membawa perubahan besar dalam corak kehidupan dan pemikiran mereka. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan dan sumbangannya dalam merubah masyarakat Bajau di Semporna melalui pendekatan kepimpinan yang berpandukan nilai-nilai agama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual dan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Tun Sakaran berjaya membangun masyarakat madani di Semporna melalui pendekatan kepimpinan yang integratif, dengan menekankan aspek keagamaan dan nilai-nilai murni. Kejayaan ini menunjukkan bahawa kepimpinan yang berpandukan agama dapat membawa perubahan positif dalam masyarakat, bukan sahaja dari segi pemikiran tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa sumbangannya menjadi inspirasi kepada pemimpin lain dalam usaha membentuk masyarakat yang berdaya saing dan berpandukan acuan agama.